

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH
JALAN BETEK, SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM**

Ruj. Fail : PSTSPT/PENT/200-4/3 Jld. 3(24)

Tarikh : 20 November 2015

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA DAN TANPA SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

KOD SEBUT HARGA : PDTSPT/KP/01/2015

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut :

KOD SEBUT HARGA / SPESIFIKASI SEBUT HARGA / KOD BIDANG / STATUS SYARIKAT	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR
<p style="text-align: center;">PDTSPT/KP/01/2015</p> <p>Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bersenjata dan Tanpa Senjata di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jalan Betek, Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam mulai 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2018 (2 Tahun).</p> <p style="text-align: center;">Kementerian Kewangan 220801 (Kawalan Keselamatan) & BUMIPUTERA</p>	<p style="text-align: center;">Tarikh : 26 November 2015 (Khamis)</p> <p style="text-align: center;">Pendaftaran : 9.00 Pagi</p> <p>Taklimat / Lawatan Tapak : Dewan Serbaguna, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah</p> <p style="text-align: center;">PERHATIAN : Hanya Pemilik / Pengurus Syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.</p>	<p style="text-align: center;">Tarikh Jualan : 26 November 2015 (Khamis)</p> <p style="text-align: center;">Mulai Jam : 3.00 Petang</p> <p style="text-align: center;">Kaedah : Perolehan secara atas talian melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)</p> <p style="text-align: center;">Kadar : RM10.00 (Cetakan dilakukan oleh Pembeli dan bayaran tidak dikembalikan)</p> <p style="text-align: center;">Tempoh Sah Laku : 90 hari</p>	<p style="text-align: center;">Tarikh : 7 Disember 2015 (Isnin)</p> <p style="text-align: center;">Masa : 12.00 Tengahari</p> <p style="text-align: center;">Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras Satu, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah</p>

3. Semasa **Taklimat Sebut Harga**, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :

- a) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan;
- b) Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan; dan
- c) Sijil Lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian dari Kementerian Dalam Negeri.

4. Kehadiran di dalam Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak bagi tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya Penyebut Harga yang menghadiri sesi berkenaan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran sebut harga melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan mengemukakan dokumen tawaran sebut harga. Penyebut Harga dikehendaki membawa bersama **Cap Rasmi Syarikat**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat yang berlakri serta bertanda dengan kod sebut harga dan tajuk sebut. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.

6. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.

7. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya Penyebut Harga :

- a) **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga;
- b) **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan Borang Sebut Harga; dan
- c) **GAGAL** menghadiri taklimat sebut harga.

9. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web *<http://ep.penang.gov.my>*.

**Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Tengah
14000 Bukit Mertajam**

SPESIFIKASI SKOP PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA DAN TANPA SENJATA
DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH,
BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

1. SKOP PERKHIDMATAN

Menyediakan tenaga kerja Pengawal Keselamatan Bersenjata dan Tanpa Senjata (bertaraf Bumiputera) bagi menjaga bangunan dan lain-lain harta benda milik jabatan dalam kawasan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah daripada sebarang ancaman keselamatan seperti kacau ganggu, kecurian, vandalisme atau kerosakan dan pencerobohan dengan memastikan keadaan sentiasa baik serta terkawal.

2. JADUAL BERTUGAS PENGAWAL KESELAMATAN

2.1 Tempoh perkhidmatan adalah mulai 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2018 (2 Tahun).

2.2 Pecahan Jadual Bertugas :

2.2.1 Hari Bekerja

Jadual	Bil. Pengawal Keselamatan	Tugasan Kawalan	Tempoh Masa
a) Waktu Pejabat 0730 - 1730 0800 - 1600	1 x Bersenjata 1 x Tidak Bersenjata	Kaunter Kutipan Hasil Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	10 jam* 8 jam
b) Luar Waktu Pejabat 1600 - 0000	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	8 jam
c) Tengah Malam 0000 - 0800	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	8 jam

2.2.2 Hari Cuti / Kelepasan Am

Jadual	Bil. Pengawal Keselamatan	Tugasan Kawalan	Tempoh Masa
a) Waktu Pejabat 0800 - 1600	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	8 jam
b) Luar Waktu Pejabat 1600 - 0000	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	8 jam
c) Tengah Malam 0000 - 0800	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	8 jam

Perhatian :

Bayaran lebih tugas 2 jam untuk kawalan Pengawal Keselamatan Bersenjata perlu telah ditetapkan dalam harga yang tawaran harga yang diberikan.

3. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DILANTIK

- 3.1 Menyediakan pusingan kerja dan memastikan Pengawal Keselamatan melaksanakan tugas mengikut jadual yang ditetapkan tanpa sebarang kegagalan.
- 3.2 Menyediakan pakaian seragam dan peralatan yang berkaitan kepada setiap Pengawal Keselamatan bertugas.
- 3.3 Menyediakan kemudahan peralatan *Clocking System* bagi **10 point** utama mengikut ketetapan jabatan (*kecuali sekiranya telah dipasang oleh pihak jabatan*) dan memastikan rondaan dilakukan dalam tempoh berkala sejam sekali.
- 3.4 Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan hendaklah bertanggungjawab ke atas segala kerosakan, kecurian, kehilangan atau kerugian ke atas jabatan sekiranya didapati kejadian adalah berpunca daripada kelalaian Pengawal Keselamatan yang bertugas.
- 3.5 Mematuhi dan melaksanakan keperluan tugas khas yang diarahkan oleh jabatan semasa perjalanan majlis-majlis tertentu dengan melaksanakan kawalan trafik dalaman.

3.6 Menyediakan polisi insurans bagi Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi insurans yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas notis penerimaan tawaran.

4. BAYARAN PERKHIDMATAN

Bayaran akan dibuat secara bulanan mengikut peraturan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia ada.

5. PENAMATAN KONTRAK PERKHIDMATAN

Pembatalan Perkhidmatan oleh kedua-dua belah pihak iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan Syarikat Perkhidmatan Keselamatan adalah berhak menamatkan kontrak ini dengan memberi notis awal secara bertulis iaitu **tiga (3) bulan** sebelum perkhidmatan tersebut hendak ditamatkan.

6. PEMATUHAN DOKUMEN PERJANJIAN

Menandatangani satu **PERJANJIAN** dengan **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas surat penerimaan dikeluarkan. Dokumen-dokumen perjanjian hendaklah dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak dan sebarang keperluan tambahan perlu dimasukkan di dalam dokumen perjanjian dan dibaca bersama. Cukai setem yang terlibat di dalam perjanjian ini akan ditanggung oleh syarikat yang berjaya.

**Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Tengah**